

# PEMIKIRAN DAKWAH SYED QUTB BERDASARKAN TAFSIR *FI ZILAL AL-QURAN*

Halipah Hamzah

*Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Malaysia.  
shalipah@ppinang.uitm.edu.my*

## ABSTRACT

*Sayyid Qutb was a prominent figure who had contributed widely in various fields. One of his contributions that can be emulated by Muslims is his insights in his preaching. His struggles in preaching were carried out as a group through collective participation in the movement of the Muslim Brotherhood as well as individually through the writing of books and articles. One of his famous books was according to the interpretations of the Quran Fi Zilal. This study aims to explore the thinking of Sayyid Qutb's missionary method of analysis based on interpretations of the Quran Fi Zilal. The study has proven that the method based on his missionary thoughts coincides with those outlined in the Quran that use the al-hikmah, al-maw'izah al-hasanah and al-mujadalah methods. Throughout the life of Sayyid Qutb, he was a missionary who was patient, persistent, humble, calm, quiet and always trusting in God.*

**Keywords:** thought; preaching; *al-hikmah*; *al-maw'izah al-hasanah*; *al-mujadalah*; *Quran Fi Zilal*

## ABSTRAK

*Syed Qutb adalah seorang tokoh yang banyak memberikan sumbangan dalam pelbagai bidang. Salah satu daripada pemikiran beliau yang boleh diteladani umat Islam adalah pemikiran dakwahnya. Perjuangan dakwahnya dilaksanakan secara berkumpulan melalui penyertaan dalam gerakan Ikhwan Muslimin serta secara individu menerusi penulisan buku dan artikel. Antara bukunya yang terkenal ialah tafsir *Fi Zilal al-Quran*. Kajian ini bertujuan mendalami pemikiran dakwah Syed Qutb berasaskan kaedah menganalisis tafsir *Fi Zilal al-Quran*. Hasil kajian membuktikan bahawa metod dakwah menurut pemikiran beliau bertepatan sebagaimana digariskan di dalam *al-Quran* iaitu menggunakan metod *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasanah*, dan *al-mujadalah*. Sepanjang kehidupan Syed Qutb, beliau hidup sebagai seorang pendakwah yang sabar, gigih, reda, tenang, tenteram, dan sentiasa bertawakal kepada Allah.*

**Kata Kunci:** pemikiran; dakwah; *al-hikmah*; *al-maw'izah al-hasanah*; *al-mujadalah*; *Fi Zilal al-Quran*

## 1. PENDAHULUAN

Syed Qutb merupakan seorang tokoh yang banyak memberikan sumbangan kepada dunia amnya dan Islam khususnya dalam pelbagai bidang. Sumbangannya merangkumi aspek pendidikan, penulisan, politik, dan dakwah. Beliau adalah merupakan seorang penulis, ahli sastera, pemikir agung Islam, serta mujahid yang sanggup menggadai nyawanya kerana menegakkan Islam. Buah pemikirannya masih tetap segar dihayati dalam kehidupan sejak dahulu hingga kini dan selama-lamanya. Cetusan pemikiran dakwah Syed Qutb merupakan salah satu aspek penting yang patut difahami dan dipraktikkan oleh masyarakat Islam pada hari ini dalam menyebarkan dakwah Islami.

## 2. BIOGRAFI SYED QUTB

Nama penuhnya ialah Syed Qutb Ibrahim Husain Shazali. Beliau telah dilahirkan tanggal 9 Oktober 1906 bersamaan dengan 21 Rejab 1324 di Kampung Musya (Syadi, 1988) atau Musyah, daerah Asyut (al-Khalidi, 1991), Hulu Mesir (al-Khalidi, 1985) iaitu 375 kilometer ke selatan Kaherah (Hamudah, 1978). Beliau berasal daripada sebuah keluarga yang taat beragama dan berkedudukan terhormat di kampung tersebut (al-Mawsilili, 1990). Bapanya Haji Qutb Ibrahim dan ibunya Fatimah Husain Uthman (al-Khalidi, 1985). Syed Qutb merupakan anak kedua daripada enam orang adik-beradik (Kashmiri, 1994). Saudara seibu sebapa dengan Syed Qutb adalah seramai empat orang iaitu Nafisah, Aminah, Muhammad Qutb dan Hamidah (al-Khalidi, 1986).

Syed Qutb mendapat pendidikan awal di rumahnya sendiri. Ibu bapanya yang kuat beragama telah mendidiknya dengan pendidikan dan persekitaran Islam. Bapanya menanam dasar akidah yang kukuh di dalam jiwa Syed Qutb terutama mengenai hari akhirat dan akhlak Islam. Manakala ibunya pula mendidik beliau cara-cara mencintai dan menghayati al-Quran. Ketika berumur enam tahun, Syed Qutb mengikuti pelajaran asas secara rasmi di sekolah rendah di kampungnya. Beliau telah berjaya menghafal al-Quran dalam tempoh dua tahun lebih selepas menamatkan tahun empat (al-Khalidi, 1985) dan ketika itu usia beliau baru mencecah sepuluh tahun (al-Khalidi, 1986). Pada tahun 1920 semasa berumur empat belas tahun, Syed Qutb berangkat ke Kaherah (Muhammad Husain, 1986). Setelah mencukupi syarat umur kemasukan iaitu tidak kurang daripada usia lima belas tahun (al-Khalidi, 1985), beliau memasuki Madrasah al-Mu'allimin al-Awaliyyah (Sekolah Latihan Perguruan Rendah Abd Aziz).

Pada tahun 1928, beliau memasuki Tajhiziyyah Dar al-Ulum iaitu sekolah persediaan untuk memasuki Dar al-Ulum, sebuah universiti terkenal di Kaherah (sekarang Universiti Kaherah). Pada tahun 1930, beliau diterima memasuki Dar al-Ulum mengikuti kursus bahasa Arab dan kesusasteraan, ulum al-syariah, sejarah, geografi, ilmu kemasyarakatan, ilmu pendidikan, kimia, fizik, dan falsafah. Akhirnya pada tahun 1933, beliau berjaya menunaikan amanah ibunya dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Diploma Pendidikan. Beliau seterusnya berkhidmat sebagai seorang guru sehingga tahun 1939. Pada tahun 1940, Syed Qutb dilantik sebagai pegawai di Kementerian Pelajaran. Perkhidmatan beliau berlangsung selama lapan tahun iaitu sehingga tahun 1948 (al-Khalidi, 1985). Antara jawatan-jawatan yang disandangnya semasa berkhidmat di kementerian ini ialah Penyelia Umum di Bahagian Kebudayaan, Penyelia Umum di Bahagian Penterjemahan, dan Nazir Sekolah-sekolah Rendah (Muhammad Husain, 1986).

Syed Qutb mengangkat baiah menganggotai Ikhwan Muslimin pada tahun 1951 (al-Khalidi, 1985). Beliau dipilih menyertai Maktab Irsyad dan dilantik mengetuai Lujnah Dakwah pada tahun 1952 (Syadi, 1988). Seterusnya pada tahun 1953, beliau memimpin misi dakwah ke luar negara. Pada 2 Mac 1953, beliau menghadiri Mukhtar Pengajian Kemasyarakatan di Damsyik. Beliau menyampaikan kuliah berkaitan pendidikan akhlak sebagai kaedah melahirkan masyarakat sempurna di dalam mukhtar tersebut. Tanggal 2 Disember 1953, beliau menghadiri Mukhtar Islam berkaitan Baitulmuqaddis di bawah anjuran Ikhwan Muslimin di kota suci ini. Seminar ini membincangkan langkah untuk melindungi kota suci ini daripada dicerobohi Yahudi (al-Khalidi, 1985).

Tanggal 13 Januari 1954, kerajaan revolusi mengharamkan gerakan Ikhwan Muslimin dengan tuduhan bahawa gerakan ini merancang untuk menggulingkan kerajaan. Pemimpin-pemimpin Ikhwan Muslimin dan ribuan anggotanya telah ditangkap. Seramai tujuh orang pemimpin tertingginya telah dijatuhkan hukuman mati. Antara mereka ialah Hasan al-Hudaybi, Abdul Qadir Awdah, Sheikh Muhammad Farghali dan Syed Qutb. Hukuman terhadap Hasan al-Hudaybi telah diubah kepada penjara seumur hidup dengan kerja berat manakala hukuman Syed Qutb penjara lima belas tahun dengan kerja berat (Muhammad Husain, 1986). Pada tahun 1964, Syed Qutb telah dibebaskan di atas permintaan peribadi Abdul Salam Arif, Presiden Iraq. Kerajaan Revolusi Mesir bagaimanapun tidak berpuas hati dengan pembebasan tersebut. Syed Qutb ditangkap semula pada tahun berikutnya. Tangkapan kedua dibuat berasaskan kepada tuduhan bahawa beliau mengetuai Ikhwan Muslimin merancang satu rampasan kuasa baru dan merancang melenyapkan golongan intelek, seniman, dan seniwati Mesir termasuklah para penyanyi (Husain, 1983). Turut ditangkap bersama beliau ialah seluruh ahli keluarganya (al-Khalidi, 1985).

Pada tahun 1965, Syed Qutb telah dijatuhkan hukuman mati atas tuduhan merancang rampasan kuasa. Pertubuhan dan pemimpin masyarakat Islam sedunia telah mengemukakan rayuan kepada Jamal Abdul Nasir supaya mempertimbangkan semula hukuman mati tersebut. Walau bagaimanapun, Jamal Abdul Nasir tetap dengan keputusannya (Fadl-Allah, 1978). Pada hari Isnin 29 Ogos 1966 bersamaan 13 Jamadil Awal 1386 Syed Qutb telah menemui ajalnya di tiang gantung. Beliau digantung sampai mati bersama-sama sahabat seperjuangannya, Muhammad Yusuf Ghawwash dan Abdul Fattah Ismail (al-Mawsilili, 1990).

### **3. TAFSIR *FI ZILAL AL-QURAN***

Tafsir *Fi Zilal al-Quran* ini ditulis dalam bahasa Arab dan mempunyai enam jilid. Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Malaysia, bahasa Turki, bahasa Urdu, bahasa-bahasa Afrika, dan beberapa juzuknya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Tafsir ini tersebar di kebanyakan negara di dunia Islam sama ada dalam bahasa asalnya atau dalam bentuk terjemahan (Qutb, 2000). Tafsir *Fi Zilal al-Quran* merupakan satu-satunya penulisan yang mendedahkan secara terperinci mengenai pelbagai budaya jahiliah yang membelenggu manusia kini sama ada di negara Islam atau bukan Islam. Ia membongkarkan tipu daya Yahudi dan Kristian dengan pelbagai strategi termasuk menggunakan kuasa penjajahan, barisan orientasinya yang handal, licin, bertopengkan kajian ilmiah yang palsu untuk menghancurkan imej Islam yang suci dan menarik para cendekiawan Islam ke dalam perangkap penyelewengan. Di samping itu, tafsir ini turut mendedahkan beberapa aliran pemikiran seperti syirik, sesat, positivisme, materialisme, kapitalisme, kominisme,

hedonisme, sistem hidup yang mempertuhankan sesama manusia, mempertuhankan akal, sains dan teknologi (Qutb, 2009).

Syed Qutb menyimpulkan dengan penuh keyakinan bahawa dunia ini tidak akan mencapai kebaikan dan umat manusia tidak akan mengecapi kerehatan, ketenangan, keberkatan, kesucian, serta kesepaduan dengan undang-undang alam dan fitrah hidup yang suci kecuali mereka kembali kepada Allah. Maksud kembali kepada Allah ialah mengembalikan seluruh kehidupan ini kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk umat manusia sebagaimana termaktub di dalam al-Quran. Ia juga diertikan bahawa segenap urusan dalam kehidupan adalah berlandaskan kepada al-Quran (Qutb, 2009).

#### 4. TERMA-TERMA DAKWAH MENURUT SYED QUTB

Terma-terma dakwah yang menjadi dasar pemikiran dakwah Syed Qutb ialah:

i. *Al-Da`wah ila al-Khayr*

Terma ini dimaksudkan sebagai ajakan, seruan atau panggilan kepada kebajikan atau kebaikan. Dakwah adalah suatu kewajiban mengajak manusia ke jalan Allah dengan cara yang bijak, tegas, benar, pelajaran yang baik, dan bantahan yang lebih baik. Perkataan *al-khayr* bermaksud kebaikan sejagat (AsepMuhiddin, 2002). Firman Allah yang bermaksud:

*Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung. (Ali Imran 3:104)*

Dalam kehidupan ini, perlu wujud satu kuasa yang menyuruh dan melarang, menjalankan dakwah ke arah kebaikan dan melarang kemungkaran, semua unitnya terikat dengan tali Allah dan dengan tali persaudaraan kerana Allah. Ia ditegakkan di atas dua tiang yang padu dan bertujuan untuk mewujudkan sistem hidup Allah di dalam kehidupan manusia. Pengwujudan sistem ini memerlukan kepada dakwah kepada kebaikan kerana daripada dakwah ini orang ramai dapat memahami hakikat sistem ini. Dakwah kepada kebaikan merupakan tugas yang sukar apabila dilihat kepada tabiat dan bertentangan dengan nafsu keinginan manusia, kepentingan setengah-setengah mereka, dan keangkuhan setengah-setengah yang lain (Qutb, 2009).

Pendakwah Islam perlu faham ketika mereka berusaha menyeru manusia supaya kembali menegakkan Islam, perlulah mula-mula sekali manusia tersebut diseru dan didakwahkan supaya menganut akidah LA ILAAHA ILLALLAH. Mereka perlu diajar bahawa asas Islam ialah mengaku dan berikrar dengan sebenarnya akidah ini mengikut maksudnya yang hakiki. Persoalan ini perlu menjadi asas mendakwah manusia ke jalan Islam kerana ia merupakan asas yang digunakan semasa mendakwah manusia untuk pertama kali di zaman Mekah sepanjang tiga belas tahun (Qutb, 1980).

Menurut Hamka (1990), bidang untuk menyampaikan dakwah terbahagi kepada dua iaitu umum dan khusus. Dakwah yang bersifat umum adalah dakwah kepada kalangan umat Islam. Dalam bidang umum antaranya bersifat mengajak masyarakat supaya memahami hikmat ajaran Islam dan kadangkala bersifat menangkis serangan atau

tuduhan yang dilemparkan terhadap agama Islam. Manakala dakwah yang bersifat khusus pula adalah dakwah dalam kalangan ahli keluarga sendiri, menimbulkan suasana agama dalam kalangan keluarga, mendidik supaya taat kepada perintah Allah, dan berlumba-lumba melaksanakan kebajikan.

ii. *Al-amr bi al-Ma`ruf dan al-Nahy `an al-Munkar*

Sesuai perbuatan yang makruf sekiranya dilakukan pasti diterima dan menerima pujian daripada manusia sebaliknya perbuatan yang mungkar dibenci dan ditolak oleh masyarakat kerana ia tidak sepatutnya dilakukan oleh manusia yang berakal (AsepMuhiddin, 2002). Firman Allah bererti:

*Wahai anakku! Laksanakanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat yang makruf dan cegahlah (mereka) daripada yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpamu, sesungguhnya yang demikian itu termasuk perkara yang penting. (Luqman 31:17)*

Perjalanan akidah yang tersusun setelah mentauhidkan Allah, menyedari wujudnya pengawasan Allah, meletakkan harapan kepada balasan yang disediakan di sisi Allah, percaya kepada keadilan Allah, dan takut kepada balasan Allah adalah melaksanakan kegiatan berdakwah. Ia bermaksud menyeru manusia memperbaiki keadaan diri mereka, menyuruh mereka berbuat kebaikan, dan melarang mereka berbuat kemungkar. Sebelum menghadapi perjuangan menentang kejahatan itu, seseorang harus bersiap siaga dengan bekalan-bekalan utama iaitu bekalan ibadat kepada Allah, bertawajuh kepada-Nya dengan solat, dan sabar menanggung kesulitan yang dialami oleh setiap pendakwah kepada agama Allah. Kesulitan itu adalah akibat daripada kedegilan dan penyelewengan hati manusia, kelancangan lidah, kejahatan tindak-tanduk, kesukaran kewangan, dan pengorbanan jiwa (Qutb, 2009).

Sesungguhnya jahiliah sentiasa mencari helah untuk menolak syariat Allah dan mengekalkan pengabdian di antara sesama manusia, memesongkan umat Islam daripada sistem Ilahi, menyekat kegiatan para pendakwah, dan seumpamanya. Justeru, para pendakwah tidak perlu melayani putar belit ini. Bahkan mereka berkewajipan membongkar segala jenis tipu helah yang bertujuan meletakkan mereka dalam keadaan serba salah. Mereka juga perlu bertindak berdasarkan garis panduan agama dalam melaksanakan gerakan dakwah kerana inilah rahsia kekuatan agama dan punca kekuatan mereka (Qutb, 1980).

iii. *Tabligh*

Tabligh dalam konteks dakwah ialah menyampaikan atau memberi informasi mengenai ajaran Islam kepada manusia supaya diimani dan difahami serta dijadikan pedoman hidup (AsepMuhiddin, 2002). Allah berfirman, maksudnya:

*Jika mereka berpaling, maka (ingatlah) Kami tidak mengutus engkau sebagai pengawas bagi mereka. Kewajipanmu tidak lain hanyalah menyampaikan (risalah). Dan sungguh, apabila Kami merasakan kepada manusia suatu rahmat daripada Kami, dia menyambutnya dengan gembira, tetapi jika mereka ditimpa kesusahan*

*kerana perbuatan tangan mereka sendiri (nescaya mereka engkar), sungguh, manusia itu sangat engkar (kepada nikmat). (Asy-Syura 42:48)*

Al-Quran mengarahkan orang-orang yang degil dan angkuh supaya menyambut dakwah Allah sebelum mereka ditimpa kesudahan di mana pada masa itu, mereka tidak akan mendapat tempat perlindungan yang dapat menyelamatkan mereka dan tidak akan mempunyai penolong yang dapat menghalang kesudahan yang amat pedih itu. Di samping itu, Allah memberi arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya meninggalkan mereka apabila mereka enggan dan tidak mahu menyambut amaran itu kerana tugas Baginda s.a.w. hanya sebagai penyampai bukannya pemaksa dan penjamin (Qutb, 2009).

Islam sekali-kali tidak bertujuan memaksa umat manusia supaya menganuti akidah atau kepercayaannya. Namun perlu diketahui bahawa Islam merupakan suatu proklamasi umum bagi pembebasan umat manusia daripada mengabdikan diri kepada sesama manusia. Islam juga mempunyai suatu tujuan utama untuk menghapus dan mengikis sistem dan pemerintahan yang berdasarkan penindasan dan pengabdian manusia sesama manusia. Setiap individu diberikan kebebasan untuk memilih sendiri akidah dan pegangan hidup masing-masing berasaskan kehendak dan pilihan mereka. Walau bagaimanapun, kebebasan ini tidak bermakna mereka bebas bertuhankan hawa nafsu dan merelakan diri mereka untuk mengabdikan diri kepada sesama manusia, atau bertuhankan manusia, dan mengabdikan diri kepada Tuhan yang lain daripada Allah. Sistem yang memerintah manusia di maya ini hendaklah berasaskan pengabdian diri umat manusia hanya kepada Allah sahaja (Qutb, 1980).

Dalam ayat ini turut menjelaskan salah satu daripada sebab utama manusia melupakan atau mengkufurkan Allah adalah semasa mereka mendapat rahmat atau ketika menerima kesusahan. Semasa mendapat rahmat, manusia bergembira sehingga lupa kepada yang mengurniakan rahmat tersebut bahkan dipermainkan dan dilalaikan oleh rahmat yang dikurniakan. Tatkala ditimpa kesusahan, manusia mengomel kepada yang menimpakan kesusahan dan enggan mengakui bahawa kesusahan tersebut berpunca daripada kesalahan mereka sendiri (Hamka, 1990).

#### iv. *Tarbiyah dan Ta`lim*

Maksud perkataan *tarbiyah* dan *ta`lim* ialah pendidikan dan pengajaran. Sasaran dan tugas *tarbiyah* dan *ta`lim* dalam kegiatan dakwah bertujuan untuk mendidik dan mengajar manusia supaya mereka memiliki akidah yang sahih seterusnya dapat bermuamalah dalam segala bidang kehidupan berasaskan nilai-nilai Islam (AsepMuhiddin, 2002). Firman Allah bermaksud:

*Allah Yang Maha Pengasih, Yang telah mengajarkan al-Quran. Dia menciptakan manusia, mengajarnya pandai berbicara. (Al-Rahman 55:1-4)*

Al-Quran merupakan nikmat yang agung yang jelas menunjukkan rahmat Allah Yang Maha Penyayang terhadap manusia. Al-Quran merupakan terjemahan yang tepat dan sempurna bagi undang-undang alam ini dan bagi sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk manusia di bumi. Al-Quran juga membuka pancaindera dan perasaan manusia supaya memerhatikan alam yang indah ini. Dengan itu, al-Quran memperbaharui

perasaan mereka terhadap kewujudan diri mereka di samping memperbaharui perasaan mereka terhadap alam di sekeliling mereka. Al-Quran turut menanam dalam hati manusia bahawa mereka adalah khalifah yang memerintah di bumi, makhluk yang mulia di sisi Allah, dan penanggung amanah Allah. Nikmat pengajaran al-Quran disebut sebelum nikmat penciptaan manusia kerana dengan nikmat al-Quran akan tercapai pengertian insaniah pada manusia (Qutb, 2009).

Di dalam program gerakan keislaman, umat Islam perlu merujuk kepada sumber yang terjamin tidak bercampur aduk dengan sumber-sumber yang lain. Mereka perlu merujuk berasaskan kaedah belajar untuk melaksanakan, merujuk untuk mengetahui apa sebenarnya yang diminta dilaksanakan. Dalam suasana sebegini, mereka akan menemui keindahan seni al-Quran dengan pelbagai kisah yang menyeronokkan dan pandangan kiamat, dan semua perkara yang dicari-cari oleh pakar penyelidik (Qutb, 1980).

Manusia diajar oleh Allah untuk menzahirkan perasaan hatinya dengan perkataan sehingga muncul pelbagai bahasa. Kemajuan bahasa amat penting dalam kemajuan ilmu pengetahuan. Suatu bangsa yang maju dilihat menerusi kebolehannya berbahasa dan berbicara. Penggunaan bahasa merupakan salah satu tanda kasih sayang Allah di muka bumi ini. Terdapat beribu-ribu bahkan berjuta-juta buku yang dikarang dalam beraneka ragam bahasa, semuanya memaparkan sesuatu yang tersirat di hati sebagai hasil penyelidikan, pengalaman, dan kemajuan hidup (Hamka, 1990).

v. *Tazkir dan Tanbih*

Kegiatan dakwah menurut uslub al-Quran seharusnya bernadakan *tazkir* dan *tanbih* iaitu peringatan dan penyegaran kembali. Fungsi dan wilayah tugas *tazkir* dan *tanbih* adalah penyegaran dan peringatan kembali mengiringi kesedaran terhadap apa yang sudah diketahui bagi merealisasikan amal saleh (AsepMuhiddin, 2002). Allah dalam firman-Nya bermaksud:

*Maka berilah peringatan, kerana sesungguhnya engkau (Muhammad) hanyalah pemberi peringatan. (Al-Ghasyiyah 88:21)*

Keterangan yang menyatakan bahawa peranan Rasulullah s.a.w. di dalam urusan dakwah sebagai pemberi peringatan dan penyampai ajaran Allah s.w.t telah diulang-ulang di dalam al-Quran kerana pelbagai sebab. Sebab yang utamanya ialah untuk membebaskan Rasulullah s.a.w. daripada memikul beban kerunsingan selepas menyampaikan dakwah kepada manusia dan menyerahkan urusan itu kepada takdir Allah yang akan menentukannya menurut iradat-Nya. Desakan keinginan manusia yang beriman supaya dakwah yang baik itu tetap menang dan diterima orang ramai merupakan satu desakan yang amat kuat, yang memerlukan kepada penerangan-penerangan yang berulang-ulang kali supaya pendakwah menyingkirkan dirinya dan keinginannya yang seperti itu daripada bidang dakwah. Kewajipan pendakwah adalah terus berdakwah tanpa memikirkan sejauh mana dakwahnya disambut serta diterima dan sejauh mana hasil usahanya terlaksana. Pendakwah tidak perlu menyusahkan hatinya dengan memikirkan kerunsingan-kerunsingan yang berat apabila dakwahnya menghadapi gangguan-gangguan yang buruk dan penentang-penentang dakwah semakin ramai (Qutb, 2009).

vi. *Tabsyir dan Tanzir*

Dalam konteks dakwah, terma ini diertikan sebagai salah satu cara untuk memberikan dorongan ke arah yang positif. Pendekatan *tabsyir* dilakukan dengan ilustrasi pahala, penghargaan dan janji mendapatkan kehidupan syurga bagi seseorang yang menerima positif atau beriman, dan melaksanakan amal saleh. Manakala pendekatan *tanzir* dijalankan melalui ilustrasi dosa, akibat buruk dan mendapat ancaman suatu kehidupan pahit dan sangat menyedihkan iaitu kehidupan neraka (AsepMuhiddin, 2002). Antara ayat al-Quran berkaitan terma ini, Allah berfirman yang maksudnya:

*Sebelumnya, sebagai penunjuk bagi manusia, dan Dia menurunkan al-Furqan. Sungguh, orang-orang yang engkar terhadap ayat-ayat Allah akan memperoleh azab yang berat. Allah Maha Perkasa lagi mempunyai hukuman. (Ali Imran 3:4)*

Dalam ayat ini mengandungi ancaman ngeri kepada orang-orang yang mengingkari ayat-ayat Allah. Dia menunjukkan kepada mereka kekuasaan, kekuatan, dan kedahsyatan azab siksaan-Nya. Secara keseluruhannya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah itulah orang-orang yang mendustakan agama Islam. Kaum ahli kitab telah menyeleweng daripada kitab Allah yang benar yang telah diturunkan kepada mereka sebelum ini. Penyelewengan itu telah mendorong mereka kepada mendustakan kitab suci yang baru iaitu al-Quran, yang begitu jelas membezakan di antara yang benar dan yang palsu. Merekalah orang-orang yang mula-mula ditujukan ancaman dengan azab Allah yang ngeri dan kesiksaan-Nya yang dahsyat serta pembalasan yang mantap (Qutb, 2009).

## 5. METOD DAKWAH SYED QUTB

Antara ayat yang dapat dijadikan acuan utama dalam prinsip metod dakwah berdasarkan al-Quran secara umumnya adalah daripada surah al-Nahl ayat 25. Di atas asas-asas inilah al-Quran meletakkan dakwah dan dasar-dasarnya, menentukan sarana-sarana dan cara-cara perjuangannya, menggariskan peraturan dakwah kepada Rasulullah s.a.w. dan para pendakwah dalam usaha menyampaikan agama Allah yang lurus (Qutb, 2009). Firman Allah bermaksud:

*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk. (Al-Nahl 16:125)*

Berdasarkan ayat di atas, metod dakwah yang dipraktikkan oleh Syed Qutb ialah:

i. *Metod al-maw`izah al-hasanah*

Mengenai metod ini, Syed Qutb menjelaskan bahawa dakwah itu hendaklah dilaksanakan dengan pengajaran yang baik yang meresap ke dalam hati secara halus dan menembusi perasaan manusia dengan lemah lembut bukan dengan menggunakan serkahan yang kasar dan kecaman yang tidak perlu. Dakwah juga tidak dilaksanakan dengan mendedahkan kesalahan yang mungkin berlaku kerana kejahilan atau dengan niatnya yang baik. Cara yang lemah lembut dalam menyampaikan pengajaran-



pengajaran itu dapat memberi petunjuk kepada hati yang liar dan menjinakkan hati yang buas. Ia menghasilkan kebaikan yang tidak mungkin dihasilkan dengan menggunakan serkahan, kecaman, dan celaan-celaan yang buruk (Qutb, 2009).

Dakwah boleh berjuang menerusi penerangan secara lisan dan penulisan sahaja ketika ia bebas berbicara dan berdialog dengan semua orang dalam suasana kebebasan, tanpa halangan sesuatu. Apabila terdapat sekatan maka hendaklah ia dihapuskan dengan kekerasan supaya dakwah dapat mengetuk pintu hati dan fikiran umat manusia secara bebas. Jihad dan perjuangan merupakan syarat utama bagi perjalanan dakwah kerana tujuan dan matlamatnya ialah memproklamkan kebebasan umum umat manusia sehingga ia mampu menghadapi realiti daripada segenap aspek. Penerangan dan penjelasan bercorak falsafah sahaja tidak memadai (Qutb, 1980).

ii. Metod *mujadalah*

Pada pandangan Syed Qutb, dakwah itu hendaklah dilakukan dengan menggunakan perdebatan yang sebaik-baiknya tanpa tekanan yang zalim terhadap pihak lawan, tanpa menghina dan memburuk-burukkan mereka supaya mereka yakin kepada kejujuran pendakwah dan merasa bahawa matlamatnya yang sebenar bukannya untuk memenangi perdebatan, tetapi untuk memberi keyakinan dan mencapai kebenaran. Jiwa manusia mempunyai sifat angkuh dan degil, ia enggan mengalah daripada pendapat-pendapat yang dipertahankannya melainkan dengan cara yang lemah lembut supaya ia tidak merasa kalah. Nilai diri dan nilai pendapat di sisi orang ramai begitu cepat bercampur-aduk dalam jiwa seseorang. Tindakan mengalah terhadap sesuatu pendapat dianggap sebagai suatu tindakan mengalah terhadap kehormatan dan maruah diri. Hanya cara perdebatan yang sebaik-baiknya sahaja dapat menundukkan perasaan angkuh yang amat peka ini, di mana pihak lawan merasa bahawa kehormatan dirinya terpelihara dan nilai dirinya tetap mulia, dan merasa bahawa pendakwah itu benar-benar bertujuan untuk menunjukkan kebenaran dan membawa mereka ke jalan Allah bukannya ke arah kepentingan dirinya, kemenangan fikirannya, dan kekalahan fikiran orang lain (Qutb, 2009).

## 6. PRINSIP-PRINSIP DAKWAH SYED QUTB

Kegiatan dakwah merupakan salah satu persoalan berkaitan dengan hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Justeru itu, metod dakwah perlu mempertimbangkan hal itu dan disesuaikan dengan garis besar daripada prinsip-prinsip ajaran Islam yang bersifat umum. Ini bertujuan supaya kegiatan dakwah tidak menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar dalam kaitannya dengan permasalahan sosial budaya secara umum. Prinsip-prinsip dakwah Syed Qutb berdasarkan kepada kaedah-kaedah berikut:

i. Toleransi

Daripada konsep ini lahir sifat positif serta kebaikan dan terhindar daripada sifat negatif. Kesannya tercipta kemaslahatan untuk mewujudkan keselamatan dan kedamaian dalam masyarakat. Kaedah toleransi ini melahirkan prinsip-prinsip seperti sifat pemaaf dan lapang dada, berbuat yang terbaik, penolakan dan pembalasan dengan baik dan mencari serta mencetuskan kedamaian (AsepMuhiddin, 2002). Mengenai sifat pemaaf dan berlapang dada, Allah berfirman, maksudnya:

*Ramai di antara ahli kitab menginginkan sekiranya mereka dapat mengembalikan kamu setelah kamu beriman, menjadi kafir kembali, kerana rasa dengki dalam diri mereka setelah kebenaran jelas bagi mereka. Maka maafkanlah dan berlapang dadalah sampai Allah memberikan perintah-Nya. Sungguh, Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu. (Al-Baqarah 2:109)*

Dalam tafsiran ayat ini, Syed Qutb menyatakan bahawa di saat terdedahnya hakikat serta ketaranya niat jahat dan hasad dengki yang hina, al-Quran menyeru orang-orang yang beriman supaya jangan membalas hasad dengki golongan ahli kitab dengan hasad dengki, kejahatan yang mereka lakukan dengan kejahatan yang setimpal. Ia menyeru mereka supaya memberi kemaafan kepada mereka sehingga Allah sendiri menetapkan keputusan pada bila-bila masa yang dikehendaki-Nya (Qutb, 2009).

Dalam perjuangan menegakkan kebenaran di hadapan kepalsuan, sesiapa yang lebih panjang nafasnya akan beroleh kemenangan. Mereka ini tidak perlu dipedulikan kerana apabila mereka kehilangan tenaga akal maka akan terhenti dengan sendirinya. Pada detik itu, manusia dapat menyaksikan bagaimana Allah memperlihatkan kuasa-Nya. Mereka ini seumpama buih ketika hari banjir, banjir akan segera reda dan buih akan hilang disebarkan angin (Hamka, 1990).

## ii. Persamaan dan Musyawarah

Konsep persamaan dan musyawarah merupakan cerminan dan refleksi daripada sikap tauhid yang dimanifestasikan dalam persaudaraan sesama manusia dan persaudaraan sesama umat Islam. Daripada konsep ini lahir prinsip-prinsip seperti menghargai kebebasan dan hak asasi setiap individu, menghindari kesulitan, kesempitan, mengembangkan semangat menghindari kemudaratan, kerosakan, sebagai cermin diri daripada tanggungjawab kini dan masa hadapan, bertahap dan bersistematik (AsepMuhiddin, 2002). Firman Allah bermaksud:

*Tidak ada paksaan dalam (menganut) agama (Islam). Sesungguhnya telah jelas (perbezaan) di antara jalan yang benar dengan jalan yang sesat. Barang siapa yang engkar kepada taghut dan beriman kepada Allah, maka sungguh, dia telah berpegang (teguh) pada tali yang sangat kuat yang tidak akan putus. Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui. (Al-Baqarah 2:256)*

Menurut Syed Qutb, dalam dasar kebebasan yang agung ini Allah memuliakan manusia dan menghormati kemahuan, fikiran dan perasaannya. Allah menyerahkan kepada mereka kebebasan membuat keputusan terhadap perkara akidah yang menentukan hidayah dan kesesatan serta menyerahkan kepadanya tanggungjawab amalan-amalannya dan hisab dirinya. Inilah ciri kebebasan manusia yang paling utama, iaitu kebebasan yang sedang ditindas di abad dua puluh ini oleh pelbagai aliran pemikiran atau isme-isme dengan sewenang-wenangnya dan sistem-sistem hidup yang menghina manusia. Isme-isme dan sistem hidup ini tidak membenarkan manusia yang dimuliakan Allah dengan agamanya untuk berpegang dengan sesuatu kefahaman dan suatu sistem hidup selain daripada apa yang direncanakan oleh negara melalui pelbagai alat bimbingannya dan direncanakan melalui undang-undang dan peraturan-peraturannya. Ia tidak mempunyai pilihan yang lain sama ada menganut mazhab

negara yang mengharamkannya daripada beriman kepada Allah atau mendedahkan dirinya kepada hukuman maut dengan pelbagai cara dan punca (Qutb, 2009).

Ayat ini merupakan dasar Islam. Manusia tidak dipaksa memeluk Islam tetapi diajak berfikir. Jika seseorang itu berfikiran sihat, pasti dia akan sampai kepada Islam. Sebaliknya, jika terdapat paksaan akan menimbulkan perkosaan fikiran dan taklid. Manusia akan lahir dan mati tetapi fikiran manusia akan terus berjalan. Penilaian manusia terhadap agama akan diteruskan dan kebebasan berfikir dalam memilih keyakinan menjadi tujuan dan matlamat manusia yang maju (Hamka, 1990).

## 7. KESIMPULAN

Pemikiran dakwah yang dipaparkan di dalam tafsir *Fi Zilal al-Quran* seiring sebagaimana yang digariskan di dalam al-Quran. Di samping itu, tidak menafikan kepentingan penggunaan akal ketika berhadapan dengan pelbagai sikap dan reaksi orang-orang yang hendak didakwah. Pendakwah dinasihatkan supaya mengaitkan dakwah dengan jihad dan perjuangan. Justeru pendakwah perlu bersabar dan terus berdakwah tanpa memikirkkan sejauh mana dakwahnya disambut serta diterima, dan sejauh mana hasil usahanya tercapai

## REFERENCES

- Al-Khalidi, Salah Abdul Fattah. (1985). *Sayyid Qutb al-Syahid al-Haiyy*. Jordan: Maktabah al-Aqsa.
- Al-Khalidi, Salah Abdul Fattah. (1986). *Madkhal ila Zilal al-Quran*. Jeddah: Dar al-Manarah.
- Al-Khalidi, Salah Abdul Fattah. (1991). *Sayyid Qutb Munzu al-Milad ila al-Istisyhad*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Mawsilili, Ahmad Salah al-Din. (1990). *al-Fikr al-Islami al-Mu`asir: Dirasat wa-Shakhsiyyat: Sayyid Qutb, Bahth Muqaran li-Mabadi` al-Usuliyyin wa-al-Islahiyyin*. Beirut: Dar Khadir.
- AsepMuhiddin, H. (2002). *Dakwah dalam perspektif al-Qur`an: studi kritis atas visi, misi dan wawasan*. Bandung, Indonesia: Penerbit CV Pustaka Setia.
- Fadl-Allah, Mahdi. (1978). *Ma`a Sayyid Qutb fi Fikrihi al-Siyasi wa al-Dini*. Beirut: Mu`assasah al-Risalah.
- Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah. (1990). *Tafsir al-Azhar* (10th ed.). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hamudah, `Adil. (1978). *Sayyid Qutb min al-Qaryah ila al-Misynaqah*. Kaherah: Sina li al-Nasyr.
- Husain, Asaf. (1983). *Islamic movements in Egypt, Pakistan and Iran*. Islamabad: Mansell Publishing Limited.
- Kashmiri, Sayyid Bashir Ahmad. (1994). *`Abqariy al-Islam Sayid Qutb: al-Adib al-`Imlaq wa al-Mujaddid al-Mulham fi Daw`i Atharihi wa Injazatihi*. Kaherah: Dar al-Fadilah.

Muhammad Husain, 'Abd al-Baqi. (1986). *Sayyid Qutb Hayatuhu wa Adabuhu*. Kaherah: Dar al-Wafa`.

Qutb, Sayyid. (1980). *Ma'alim fi al-Tariq*. Beirut: Dar Syuruq.

Qutb, Sayyid. (2000). *Tafsir fi Zilal al-Quran*. (Yusoff Zaky Haji Yacob, Terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn Bhd. Kelantan dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

Qutb, Sayyid. (2009). *Tafsir fi Zilal al-Quran* (6th ed.). Kaherah: Dar al-Syuruq.

Syadi, Salah. (1988). *al-Syahidan Hasan al-Banna wa Sayyid Qutb*. Kaherah: Dar al-Wafa`.